

# UNIMAS IKTIRAF SUMBANGAN KAKITANGAN

12 March 2016

- The Borneo Post Online

Oleh Jessica Jawing



*SYABAS: Jabu menyampaikan anugerah kepada kakitangan UNIMAS sambil disaksikan Kadim (tiga kanan) serta yang lain, semalam.*

KOTA SAMARAHAN: Seramai 475 kakitangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam menerima anugerah serta sijil masing-masing pada Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU).

Majlis itu disempurnakan Timbalan Ketua Menteri juga Pro Canselor UNIMAS Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang dan dihadiri Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Datu Dr Hatta Solhi.

Daripada anugerah berkenaan, 123 orang staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2015 atas prestasi cemerlang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sepanjang tahun lepas.

Seramai 151 orang staf lagi diberi Anugerah Perkhidmatan Setia (APS) 2015, 14 orang menerima sijil penghargaan persaraan dan 73 orang menerima sijil pengiktirafan perkhidmatan 15 tahun.

Kadim dalam ucapannya berkata, MAGU diadakan sejak enam tahun lepas dan menjadi tradisi kepada UNIMAS merai serta mengiktiraf penerima anugerah kecemerlangan sama ada bidang akademik, pengurusan dan perkhidmatan serta sukan.

“Kita berharap ia menjadi pendorong kepada warga UNIMAS yang lain untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang pada tahun hadapan.

“Kepada pesara dan bakal pesara yang akan menamatkan perkhidmatan dengan UNIMAS, terima kasih atas jasa dan sumbangan telah diberikan selama berada di UNIMAS,” katanya.

UNIMAS kata beliau komited untuk menerus dan mengekalkan kejayaan sedia ada dan ia bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan kerjasama padu dalam kalangan warga kampus.

Pada majlis berkenaan, pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pentadbiran serta aspek inovasi turut diberi pengiktirafan kepada individu mahupun secara berkumpulan.

Ia melalui tiga kategori anugerah yang disediakan iaitu Anugerah Pengurusan, Anugerah Akademik dan Anugerah Sukan.